Headline	Jong Hyun masih berteka-teki		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	12 Mar 2024	Language	Malay
Circulation	112,705	Readership	338,115
Section	Arena	Page No	47
ArticleSize	253 cm²	Journalist	N/A
PR Value	RM 29,900		

Jong Hyun masih berteka-teki

Kuala Lumpur: Pakar pukulan sudut penalti pasukan Tenaga Nasional Berhad (TNB) Jang Jong Hyun masih berteka-teki sama ada akan terus bersama pasukan itu atau akan berhijrah ke pasukan baharu.

Pemain kelahiran Korea Selatan itu berkata, dirinya masih belum pasti sama ada akan meneruskan perjuangan di Liga Hoki Malaysia (MHL) tahun hadapan atau tidak namun jika khidmatnya diperlukan, dia bersedia kembali menakbur bakti dan semuanya bergantung kepada tawaran diterima sama ada dari TNB sendiri atau pasukan lain.

"Masih belum tahu lagi dan semuanya bergantung pada tawaran. Sekiranya TNB panggil, saya akan datang dan kalau ada tawaran dari pasukan lain, saya juga akan mempertimbangkannya," katanya.

Jelas Jong Hyun, dia gembira membantu TNB memenangi kejuaraan treble musim ini dan itu sememangnya keinginannya selama ini.

"Sangat gembira tetapi dalam masa sama, sedih kerana ini kali pertama TNB menang trebel. Bagi saya, bukan mudah untuk dapatkan gelaran trebel ini. Satu bebanan buat saya tetapi pada akhirnya saya lega kerana berjaya melaksanakan apa yang dijanjikan kepada pasukan.

"Saya rasa bersalah kepada THT (Terengganu Hockey Team) tetapi ini tanggungjawab dengan TNB dan saya perlu melakukan yang terbaik. Apapun, adat pertandingan ada menang ada kalah," katanya.

Pengendali TNB, Nor Saiful Zaini Nasiruddin mengakui kehadiran pemain Korea Selatan itu di dalam pasukannya ternyata memberi kekuatan tambahan selain kebaikan kepada pemain muda.

"Secara keseluruhannya, dia membantu TNB dan ramai pemain kita dapat belajar daripadanya. Masih awal untuk kata dia kembali ataupun tidak kerana umurnya juga sudah menghampiri 40 tahun.

"Sekiranya dia ingin kembali dan tahap kecergasannya OK, mungkin boleh dipertimbangkan," katanya.

Terdahulu, pemain berusia 39 tahun itu berjaya meledak 26 gol dalam kesemua kejohanan bersama TNB dan menjadi nadi penting buat pasukan itu melengkapkan gelaran trebel mereka pada musim ini selepas muncul juara Piala TNB apabila menewaskan seteru utama THT 4-2 di pentas akhir pada Sabtu lalu.

Powered by: isentia